

10 May 2011 03:29pm



**Anda patut menyokong *MerdekaReview* kerana ia dikendalikan oleh para leng chai dan leng loi yang punya wibawa dan semangat!**

----- Amir Muhammad


[UTAMA](#) | [ANALISA](#) | [KOLUM](#) | [KALEIDOSKOP](#) | [PANDANGAN](#) | [EKSKLUSIF](#) | [KHAS](#) | [GALERI GAMBAR](#) | [CARI](#) | [中文版](#) | [RSS](#)

Utama &gt; News &gt; Pandangan

[Share](#) | 
 



[Program Langganan Sukarela](#)
[Like](#) Confirm

 [Cetak](#)
 [Kongsi](#) 
 Saiz Teks: 
  [k](#)
 [s](#)
 [b](#)

## Kecekapan tenaga: Kaedah berkesan untuk pengurusan permintaan tenaga

| May 10, 2011 03:05:25 pm

**Pandangan**

Menurut laporan *BP 2030 Energy Outlook*, penggunaan tenaga asas dunia dijangka meningkat dengan kadar purata 1.7% setahun dari tahun 2010 hingga tahun 2030. Di Malaysia, menurut statistik yang dilaporkan di Imbangan Tenaga Kebangsaan (*National Energy Balance*) 2008, Malaysia merekodkan peningkatan penggunaan tenaga asas pada kadar 6.1% setahun di antara tahun 2000 hingga 2008. Nilai ini juga menghampiri peningkatan GDP purata tahunan bagi jangka masa yang sama iaitu 6.0%.



Peningkatan permintaan tenaga bukan sahaja berhubung kait rapat dengan GDP tetapi juga peningkatan populasi penduduk. Ini hanya membuktikan bahawa permintaan tenaga Malaysia akan sentiasa meningkat lebih tinggi daripada nilai anggaran purata dunia. Apakah langkah paling berkesan untuk menguruskan peningkatan permintaan tenaga?

Penyelesaian yang murah dan cepat untuk menguruskan permintaan tenaga adalah kecekapan tenaga. Tetapi, mengapakah Malaysia tidak melakukannya dengan meluas?

Pertamanya, subsidi menyebabkan harga sebenar tenaga tidak tercapai. Satu permerhatian yang kita boleh lihat ialah silinder gas memasak yang pendek digunakan meluas di restoran-restoran. Silinder gas ini sebenarnya adalah gas disubsidi untuk kegunaan sektor domestik sahaja. Tetapi, kita dapat lihat sektor komersil seperti restoran menggunakanannya dengan meluas. Menurut laporan *UK Foreign Office, South East Asia Economy and Climate Change Team*, dilaporkan bahawa hanya 29% subsidi sampai kepada golongan miskin di Malaysia.

Keduanya, tarif khas industri (*special industry tariff*) yang membolehkan industri

### Terkini

- [Kecekapan tenaga: Kaedah berkesan untuk pengurusan permintaan tenaga](#)
- [PKR: Penghijrahan rakyat Malaysia perlukan reformasi jangka masa panjang](#)
- [Harga gula naik kali keempat sejak tahun lalu](#)
- [Paderi Kristian nafi tuduhan, desak PM ambil tindakan terhadap Utusan](#)
- [Lim Guan Eng: UMNO bermain api](#)
- [Air mata dua orang ibu pada Hari Ibu "Selamatkan Kuantan demi generasi akan datang!"](#)
- [Laporan Utusan Malaysia: Teresa persoal pendirian kerajaan](#)
- [Pakatan Rakyat: Islam Agama Rasmi Malaysia Adakah tsunami politik akan berlaku di Singapura?](#)

### Antara yang terhangat

- [Surat misteri terdedah?](#)
- [Mat Sabu: Berterima kasih kepada Chin Peng](#)
- [Ibrahim Ali, PERKASA dan Ku Klux Klan](#)
- [3 Jam Bala diambil keterangan Polis Perancis sebut nama Najib-Rosmah](#)
- [Seandainya Setiausaha Agung keluar parti dengan maklumat sulit...](#)
- ["Babi, Liwat, Dubur": Kejadian baling botol cetus ketegangan](#)
- [Pertembungan fizikal berdarah di UPM](#)
- [Masa Depan FELDA dan Peneroka \(I\)](#)
- [Anasir lunturkan semangat perjuangan PKR...](#)
- [Empangan Baram: "Sumpah dari neraka"](#)

### Galeri Gambar

[Selanjutnya](#)

merdekareview.com

[砂州州选](#)

bayar tarif yang lebih rendah jika kos elektrik tahunan adalah 5% dan ke atas berbanding dengan kos keseluruhan tahunan operasi. Maka, ia adalah lebih murah untuk membazir disebabkan dasar sebegini. Seperti mana sektor domestik perlu bayar kadar tarif yang lebih tinggi jika guna elektrik yang lebih tinggi, semua lapisan pengguna sepatutnya dikenakan tarif mendenda yang sama. Layanan khas tidak sepatutnya wujud.

Menurut kajian oleh ReEx Capital Asia, jumlah potensi pelaburan dalam kecekapan tenaga bagi sektor industri dan komersil di Malaysia adalah USD 1.437 billion manakala potensi penjimatan bagi kedua-dua sektor adalah USD 247 Million. Pelaburan ini tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna disebabkan pulangan pelaburan yang lambat akibat dari subsidi dan bantuan-bantuan kewangan yang lain yang tidak membantu perkembangan kecekapan tenaga.

Bagi sektor domestik, penjimatan adalah tinggi dalam bil elektrik serta pengurangan pelepasan karbon. Kos pembelian produk cekap tenaga adalah lebih tinggi sedikit tetapi kos operasi jangkamasa panjang adalah jauh lebih rendah. Sebenarnya, pulangan kepada pengguna domestik adalah lebih cepat.

AWER menyeru kerajaan supaya mempunyai "mekanisma menyalurkan kos bahan api" dan proses penetapan tarif yang telus untuk membantu Malaysia menjadi cekap tenaga. Ini juga bermaksud penglibatan rakyat dalam proses ini adalah penting. Ini akan membantu Malaysia untuk mencapai tarif yang munahsabah sambil mengekalkan momentum pembangunan.

Dasar dan perancangan yang jelas seperti ini akan meningkatkan keyakinan pelabur serta membantu mereka memahami kaedah penetapan tarif. Ini adalah penting untuk memastikan industri dapat menilai Malaysia sebagai hub pembangunan dan pelaburan. Rakyat pula akan memahami dengan lebih jelas mengenai isu tarif dan dapat menjalankan tanggungjawab mereka dengan baik.

Ia mengambil langkah-langkah kecil untuk mencapai kecekapan tenaga yang menyeluruh, mari kita bermula di sini.



merdekareview.com

\*Kenyataan media oleh Piarapakaran S. (gambar kanan) selaku Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER).

JOIN US AT:



Merdeka Review BM Fans Club  
on Facebook



You like Merdeka  
Review BM Fans

sebelumnya:

[Harga gula naik kali keempat sejak tahun lalu](#)

seterusnya:

[PKR: Penghijrahan rakyat Malaysia perlukan reformasi jangka masa panjang](#)



Merdeka Review BM  
Fans Club on Facebook



Confirm

You like  
Page · Ir  
You like  
Page · Ir

2,506 people like Merdeka Review BM Fans Club. 2,505 people like Merdeka Review BM Fans Club.



Facebook social plugin

## Kartun



[Selepas Tsunami \(With Mandarin Subtitles\)](#) from Pusat KOMAS on Vimeo.

## CARI Diy Day Banner

[Advertise here \( RM10/day \)](#)

[Advertise here \( RM10/day \)](#)

## CARI Diy Day Banner



Admax supports Eco-Living

*Click here for 10 easy things you can do today to go green!*



[Kenali Kami](#) | [Hubungi Kami](#)

2005-2009 © Knowledge Venture Sdn Bhd - 独立新闻在线· 版权所有

[艾堤科技 I-Tea Technology](#) 網站設計

Hosted by [Ipserverone.com](#)